



# Berita KUIM

## KANDUNGAN

Majlis Penyerahan Surat Kebenaran Pengeluaran oleh FINAS	1
Majlis Penyerahan Cek Biasiswa & Tabung Ehsan BIMB	2
Kursus Pembinaan Semangat- "Team Building"	2
Pengumuman Pertukaran Jabatan Kakitangan KUIM	3
Pengumuman Kakitangan Baru KUIM	3
Dalam Lebaran Sejarah KUIM	4
	4

## Majlis Penyerahan Surat Kebenaran Pengeluaran Filem oleh FINAS

KUIM buat julung kalinya menerima lesen pengeluaran filem yang diserahkan oleh FINAS kepada KUIM PRODUCTION pada 30 Disember 2004 yang lalu bertempat di Pawagam Mini P.Ramlee, FINAS.

KUIM PRODUCTION adalah 'Production House' yang terlibat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan rundingcara, pendidikan, penerbitan, penyebaran bahan audio visual untuk tujuan latihan, pendidikan, penyelidikan, promosi dan komersial.

Di samping itu juga, penubuhan KUIM PRODUCTION bertujuan untuk melibatkan diri dalam penerbitan audio-visual dan membekalkan rancangan TV yang sesuai dengan kepakaran KUIM selaras dengan usaha kerajaan untuk menerbitkan lebih banyak lagi program atau rancangan yang berbentuk keagamaan dan moral di samping mengadakan usahasama dengan 'production house' lain untuk penerbitan rancangan-rancangan tertentu samada untuk tujuan komersial atau amal.



Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman (Kiri) menyerahkan Surat Kebenaran pengeluaran filem kepada Prof. Dr. Mohammad Haji Alias.(kanan)

Majlis ini turut dihadiri oleh Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman selaku Pengerusi FINAS dimana beliau telah menyerahkan Lesen Pengeluaran Filem kepada pihak KUIM yang diwakili oleh Prof. Dr. Mohammad Haji Alias, Timbalan Rektor HEP& Pembangunan KUIM.

## Majlis Penyerahan Cek Biasiswa & Tabung Ehsan BIMB

Bank Islam Malaysia Berhad telah menyerahkan Cek Biasiswa BIMB & Tabung Ehsan kepada 7 orang pelajar KUIM yang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda di satu majlis yang diadakan di KUIM pada 6 Oktober 2005 yang lalu.

Biasiswa BIMB & Tabung Ehsan ini telah diwujudkan untuk membantu pelajar universiti tersebut yang kurang berkemampuan serta mempamerkan pencapaian cemerlang dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Tahun lepas, Bank Islam telah menyumbang sebanyak RM 150,000 kepada KUIM bagi tujuan membiayai pengajian para pelajar KUIM yang kurang

( sambung di muka 2 )

- berkemampuan. Biasiswa ini telah disampaikan oleh Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah. Turut hadir di majlis tersebut ialah Pendaftar, Tuan Hj. Addenan.

Menurut Dato' Asin, program hari ini adalah merupakan satu titik permulaan ke arah satu jalinan kerjasama yang lebih erat di antara KUIM dengan BIMB selain daripada untuk memberi bantuan kepada para pelajar yang kurang berkemampuan tetapi berpotensi dan cemerlang dalam bidang akademik.

Penerima Cek Biasiswa BIMB adalah Ahmad Norsyafwan Norawati, Suhana Shamsuddin, Rafidah Nur Ahmad dan Nurul Huda Sayoti, masing-masing menerima biasiswa berjumlah RM3500 sepanjang tempoh 3 tahun pengajian di KUIM. Sementara itu, penerima Biasiswa Tabung Ehsan adalah Mohd Adlan Jalil, Armila Mat Lazim dan Nurul Hidayah Ramli, masing-masing menerima biasiswa berjumlah RM3250 sepanjang tempoh 3 tahun pengajian di KUIM.



Dari kanan - Pendaftar, Tuan Hj Addenan memerhati Dato' Asin menyampaikan Cek Biasiswa kepada salah seorang pelajar KUIM

## Kursus Pembinaan Semangat Berpasukan - "Team Building"

Kursus Pembinaan Semangat berpasukan kali-1 yang dianjurkan oleh Unit Latihan, Bahagian Sumber Manusia telah berjaya diadakan seperti yang dirancang. Program tiga hari dua malam ini telah diadakan di Pusat Latihan Rebutia, Gombak Utara, Selangor Darul Ehsan dan melibatkan seramai 42 orang peserta dari pelbagai kategori jawatan.

Antara program yang dijalankan adalah seperti "ice breaking" yang bertujuan untuk membuka ruang kepada peserta untuk berkenalan dengan rakan peserta lain dan mewujudkan hubungan persahabatan di kalangan peserta serta mengekalkannya untuk kebaikan pengurusan persatuan/kelab masing-masing. Ceramah bertajuk 'Membina Semangat Kerja Berpasukan' telah disampaikan oleh Dr. Yahya bin Mat Hassan, Presiden ITTAR. Fasilitator terdiri daripada pegawai-pegawai KUIM iaitu En. Muhammad Haizuan Rozali, Puan Masni Hasim, Puan Nor Azzah Momin, Puan Nurhazreen Mohd Noor, En. Zairul Hisham Ahmad Khulaimi, En. Mohd Asri Husain dan En. Sulaiman Hassan. Program ini telah diakhiri dengan persembahan dari setiap kumpulan dan makan tengahari. Majlis ini turut dihadiri oleh Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan.





## Pengumuman Pertukaran Kakitangan KUIM

- Puan Monaliza binti Laudang - Penolong Pendaftar Unit Teknologi Maklumat
- Puan Marina binti Yusop - Penolong Pendaftar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- En. Md Ishah bin Rahman - Penolong Pendaftar INFAD
- En. Ahmad Kamal bin Mustafa - Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran Am
- Cik Noorfazira binti Zainol Rashid - Penolong Pendaftar Jabatan (Canselori—Pejabat Rektor)
- Cik Nor Hayati binti Adam - Penolong Pendaftar Bahagian Sumber Manusia (Pengurusan)
- Cik Noraini binti Abd. Jalil - Penolong Pendaftar Bahagian Akademik (Penjadualan & Peperiksaan)
- En. Nasrul Hakim b. Ahmad - Penolong Pendaftar Bahagian Akademik
- Cik Norrufilzah binti Shahari - Penolong Pendaftar Unit Perhubungan Awam
- En. Hafez Fikri bin Adimat - Penolong Pendaftar Unit Pembangunan
- Puan Marsita binti Md. Nor - Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Sumber Manusia
- Puan Azwa binti Adnan - Pembantu Tadbir Kesetiausahaan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah
- Puan Rabiatul Suria binti Badarudin - Pembantu Tadbir Kesetiausahaan Timb. Rektor (HEP & Pembangunan)
- Puan Sharifah Norashikin - Pembantu Tadbir Kesetiausahaan Fakulti Kepimpinan & Pengurusan
- Cik Normala bt Abdullah - Pembantu Tadbir Kesetiausahaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar
- Puan Nor Mukminah binti Hamzah - Pembantu Tadbir (P/O) Jabatan Canselori
- En. Rosdi bin Abdullah - Pembantu Tadbir (P/O) Unit Kenderaan
- Cik Siti Nadia binti Abu Bakar - Pembantu Tadbir (P/O) Unit Kaunseling (HEP)
- Puan Noraini bt Md. Zamri - Pembantu Tadbir (P/O) Bhgn. Sumber Manusia (PTK & Cuti Belajar)
- Puan Siti Hawa bt Ahmad Rubaie - Pembantu Tadbir (P/O) Unit Pembangunan
- Cik Yang Fawziah binti Abd Ghani - Pembantu Tadbir (P/O) Unit Pembangunan
- Cik Nik Azalina binti Nik Anuwa - Pembantu Tadbir (P/O) Bahagian Sumber Manusia (Pengurusan)
- En. Qidzam bin Zabri - Pembantu Tadbir (P/O) Fakulti Syariah & Undang-Undang
- En. Mohd Shah Rizan bin Mohd Jafar - Pembantu Am Rendah Fakulti FSU & FKP
- En. Ali Zahran bin Haji Thurmoodi - Pembantu Am Rendah Bahagian Bendahari

## Pengumuman Kakitangan Baru KUIM

### Kakitangan Bukan Akademik

- Norhaswati bt Mat Naffi - Pembantu Akauntan
- Cik Sharazreen binti Anas - Penolong Pegawai Sistem Maklumat
- Ir. Amirrudin bin Mohamed - Jurutera Mekanikal
- En. Mohd Muzalanie - Penjaga Jentera Elektrik
- En. Hafas bin Ayob - Pembantu Perpustakaan
- Cik Norlizawaty Tumin - Pegawai Tadbir (Perpustakaan)
- En. Muhammad Hekal - Pembantu Tadbir (P/O) Fakulti Ekonomi & Muamalat
- Cik Norazah bt Yusup - Pembantu Tadbir (P/O) Unit Sukan & Rekreasi
- Cik Nursallyma Mohd Kassim - Pembantu Tadbir (P/O) FPQS
- Cik Nurhassikin Maulat Mahmud - Pembantu Tadbir (P/O) FSU
- Cik Azlinda Abd Aziz - Pembantu Tadbir (P/O) Unit Perhubungan Awam
- Cik Norfiza bt Mohd Zakaria - Pembantu Tadbir (P/O) Fakulti Sains dan Teknologi
- En. Syukri bin Baharuclin - Pembantu Tadbir (P/O) Unit Keselamatan

## Pengumuman Kakitangan Baru KUIM

### Kakitangan Akademik

- En. Zulkifli bin Hasan - Pensyarah FSU
- En. Lukmanul Hakim - Tutor FSU
- En. Muhammad Nizam - Pensyarah FSU
- En. Mohamad Isa bin Amat - Tutor FKP
- En. Wan Mohd Fazrul Azdi - Tutor FKP
- En. Khairunneezam - Tutor FKP
- Pn. Wan Azura Wan Ahmad - Pensyarah Unit Bahasa Arab
- En. Mohd Zaini Zakaria - Tutor FPQS
- Pn. Haliza Harun - Pensyarah Unit Bahasa Inggeris
- En. Mohammad Noorizuddin - Pensyarah FEM
- Pn. Noraini Abdul Rahman - Pensyarah Unit Bahasa Inggeris
- Pn. Siti Masitah Elias - Tutor FST
- Cik Nathasa Mazna Ramli - Tutor

## Dalam Lembaran Sejarah...

- 6 Januari 2005 : Majlis Penyerahan Cek Biasiswa BIMB dan Tabung Ehsan kepada Pelajar KUIM
- 8 Januari 2005 : Mahrajan Kerjaya
- 8—14 Januari 2005 : Sukan MASUM 2, 2005 di Stadium UKM
- 10 Januari 2005 : Perhimpunan Rasmi Kakitangan KUIM
- 17 Januari 2005 : Majlis Mesra Media SPKA di Eastin Hotel
- 17—31 Januari 2005 : Kursus Induksi Kumpulan Sokongan di, Bilik Tazkirah Tingkat 11
- 18 Januari 2005 : Tazkirah Syahriyyah oleh Tan Sri Yusof
- 19 Januari 2005 : Majlis Perjumpaan Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan bersama Kakitangan Akademik KUIM
- 27 Januari 2005 : Ceramah Kesedaran & Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti KUIM MS ISO 9001:2000
- 27—29 Januari 2005 : Bengkel Pementapan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti KUIM di Allson Klana Resort, Seremban
- 29 Januari 2005 : Majlis Perasmian & Siri Muzakarah Fatwa kali-1 anjuran INFAD

Diterbitkan oleh :

Unit Perhubungan Awam

Tel : 03-42892157/2094

Faks : 03-42892153

